

# INSKEP 10 KM CHALLENGE

 [airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4941-inskep-10-km-challenge](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4941-inskep-10-km-challenge)

TANJUNG BUNGAH, 3 Mei 19 - Larian ‘10 KM Run Challenge’ untuk unit-unit di bawah naungan MPPLU bagi peringkat Institut Kepimpinan dan Pengurusan (INSKEP) telah selesai dianjurkan bertempat di Taman Botani Pulau Pinang. Upacara pelepasan larian telah disempurnakan oleh Pegawai Memerintah INSKEP, Lt Kol Nurul Amir bin Othman TUDM.

Seramai 77 peserta larian yang terdiri daripada empat pegawai serta 41 Staf INSKEP termasuk awam dan 29 Penuntut Kursus Junior Officer Course Siri 6/19 telah terlibat menjayakan acara larian ini dengan dibantu oleh Cawang Jasmani INSKEP dan 816 RSAT PU Butterworth. Aktiviti ini dimulakan dengan taklimat larian berserta sesi pemanasan badan daripada wakil jurulatih jasmani. Acara larian bermula tepat jam 8 30 pagi dan berakhir jam 10.30 pagi.

Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Pegawai Memerintah INSKEP diiringi oleh Ketua Bahagian Tadbir INSKEP, Mej Abd Rahim bin Ahmad TUDM. Seramai 10 pelari terbaik mengikut kategori TUDM, 3 terbaik Kategori Awam, 3 terbaik Kategori Wanita, 5 Terbaik Kategori Penuntut Kursus dan 10 Terbaik Kategori Keseluruhan telah dipilih sebagai pemenang dan menerima hadiah. Syabas dan tahniah kepada semua warga INSKEP kerana sama-sama dapat menjayakan aktiviti tersebut.



